

21 MAR 2000

UIAM-Buku/I

UIAM KELUAR BUKU MENGENAI BAGAIMANA MALAYSIA SELAMAT DARIPADA  
KEGAWATAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan mengeluarkan buku mengenai bagaimana Malaysia mempertahankan matawangnya semasa kegawatan ekonomi dan cara ia melindungi dirinya daripada cengkaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Presiden UIAM Tan Sri Sanusi Junid berkata buku itu, yang akan dikeluarkan oleh Fakulti Ekonomi UIAM, adalah berdasarkan perbincangan pada mesyuarat-mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kerajaan memilih UIAM sebagai universiti yang akan menerima semua pita mesyuarat harian yang diadakan oleh Perdana Menteri dengan MTEN," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman dan perjanjian pembangunan bersama antara UIAM dan Proton di kampus utama universiti itu di Gombak, dekat sini, hari ini.

UIAM diwakili oleh Pemangku Rektor Prof Madya Dr Sidek Baba manakala Proton diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tengku Datuk Mahaleel Tengku Ariff.

Sanusi tidak menyatakan dengan khusus sama ada ia adalah pita audio atau pita audio visual.

Beliau berkata semua pita itu, yang berjumlah lebih daripada seribu, akan dihantar ke fakulti itu dan mereka akan bertanggungjawab menyalin, mengklasifikasi dan menjadikannya sebuah buku.

"Kita akan memberitahu dunia bagaimana kita mempertahankan matawang kita dan bagaimana kita melindungi diri kita daripada disembelih oleh IMF," katanya.

Ini adalah lawatan pertama Sanusi ke universiti itu sejak dilantik sebagai presiden pada 1 Mac lepas.

Sanusi ialah presiden UIAM keempat selepas Tun Hussein Onn, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

-- BERNAMA

AFY NAK